

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN FORENSIK
JABATAN KIMIA MALAYSIA CAWANGAN BINTULU**

**ISNIN, 30 NOVEMBER 2015
BINTULU, SARAWAK**

YANG BERUSAHA DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

YANG BERUSAHA TUAN HAJI ISMAIL BIN TALIB
Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia

YANG BERUSAHA TUAN HAJI MUHAMAD YAKUP BIN KARI
Residen Bahagian Bintulu, Sarawak

Ahli-Ahli Kehormat

Ketua dan Wakil Jabatan Persekutuan dan Negeri

Pegawai-Pegawai Kanan MOSTI / Wakil-wakil media / Warga Kimia Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kimia Malaysia atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk menyempurnakan **majlis perasmian Bangunan Forensik Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Bintulu, Sarawak**. Sekalung tahniah dan

syabas saya ucapkan kepada seluruh warga kerja Kimia Malaysia di atas kejayaan merealisasikan pembangunan Bangunan Forensik, Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Bintulu ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

2. Jabatan Kimia Malaysia merupakan salah sebuah agensi di bawah MOSTI yang menyediakan perkhidmatan analisis saintifik terulung dan terbesar negara. Saya **berasa amat bangga** kerana sehingga kini, Jabatan Kimia Malaysia telah memberi **perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan efisien** kepada pelanggan-pelanggannya melalui **13 cawangan makmalnya** termasuk Cawangan Bintulu, Sarawak.

3. Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Bintulu merupakan **cawangan kelapan Jabatan Kimia Malaysia** dan merupakan **makmal Kimia kedua daripada tiga makmal Kimia di Bumi Kenyalang** ini. Penubuhan dan peningkatan keupayaan Cawangan Bintulu pada masa sekarang adalah **sangat bertepatan dengan kehendak semasa** kerana ia **terletak di kawasan pembangunan Sarawak Corridor of Renewal Energy (SCORE)** yang mengalami pembangunan yang sangat pesat.

4. Saya dimaklumkan bahawa Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Bintulu telah memberikan perkhidmatan saintifik yang merangkumi analisis kimia bagi kes-kes berkaitan **kes-kes sivil dan jenayah seperti dadah berbahaya dan ubat-ubatan, keracunan manusia dan haiwan, air dan kumbahan, makanan termasuk makanan mentah dan makanan diproses, analisis mikrobiologi bagi**

air dan makanan serta **kes-kes berkaitan penyeludupan dan percukaian barangan import dan eksport.**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Seiring dengan kemajuan sains dan teknologi, Jabatan Kimia Malaysia juga mengorak langkah bersama pembangunan teknologi terkini. **Perkhidmatan analisis telah berubah dari kaedah konvensional** yang melibatkan proses analisis kerja secara manual **kepada perkhidmatan analisis moden** yang dikawal secara automasi dan menghasilkan keputusan yang cepat, tepat dan berkesan. **Peralatan yang moden** lagi terkini telah menggantikan cara kerja serta alat radas makmal yang lama yang tidak lagi sesuai di zaman yang serba pantas dan mencabar ini.

6. Saya amat bangga dan mengucapkan tahniah kerana **kepakaran pegawai sains Kimia Malaysia telah diiktiraf di dalam dan luar negara.** Pada **tahun 2014**, dua (2) orang pegawai forensik Kimia Malaysia telah terlibat dalam ekspedisi pencarian dan **pemeriksaan sisa nahas pesawat MH17 di Ukraine** dan **pengecaman waris mangsa nahas pesawat MH17 di Belanda.**

7. Pada tahun 2015 pula, Kimia Malaysia telah terlibat dalam analisis pengenalpastian mangsa **kes pemerdagangan manusia di Wang Kelian, Perlis** dan juga **kes kehilangan kanak-kanak orang asli di Gua Musang, Kelantan.** Pada tahun ini juga Kimia Malaysia telah diberi mandat untuk **menjalankan analisis bagi nahas helikopter di Semenyih.**

8. Baru-baru ini, Kimia Malaysia turut terlibat dalam **analisis pencemaran tanah berkaitan isu bauksit di Pahang**. Itu hanyalah antara ribuan kes yang dilaksanakan oleh Kimia Malaysia yang mendapat liputan media tempatan jua antarabangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kita semua maklum bahawa adalah menjadi **hasrat kerajaan supaya semua agensi kerajaan memiliki sistem pengurusan yang cekap, efisien dan mengutamakan hasil berkualiti serta mengutamakan kehendak pelanggan**. Bagi memastikan Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Bintulu memberikan perkhidmatan yang tepat dan berkualiti, Kimia Bintulu telah mendapat pengiktirafan dalam aspek kualiti perkhidmatan analisis makmal oleh Jabatan Standard Malaysia melalui **Persijilan Akreditasi ISO 9001: 2008 dan Persijilan Akreditasi SAMM ISO/IEC 17025:2005 bagi perkhidmatan analisis bukan forensik**.

10. Sistem pengurusan kualiti dalam perkhidmatan analisis Forensik yang dilaksanakan di Jabatan ini **juga telah mendapat pengiktirafan** di peringkat **antarabangsa** melalui **Persijilan Akreditasi ASCLD/LAB-International (American Society of Crime Laboratory Directors / Laboratory Accreditation Board)**. Saya dimaklumkan bahawa persijilan akreditasi ASCLD ini melalui proses penilaian yang ketat oleh pemeriksa dan auditor luar negara.

11. Selain pengiktirafan dalam bidang pengurusan sistem kualiti bagi perkhidmatan analisis, Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Bintulu dan keseluruhan makmal JKM juga telah mendapat pengiktirafan

antarabangsa dalam aspek pengurusan **sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui Persijilan Akreditasi OHSAS 18001: 2007.**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. Bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan analisis sains forensik di Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Bintulu, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah meluluskan pembinaan bangunan baru Bahagian Forensik ini. Pembinaan bangunan ini telah dimulakan pada bulan Jun 2012 dan **siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2014 dengan kos keseluruhan berjumlah lebih kurang RM16.5 juta.**

13. Bangunan baru ini **mempunyai ciri-ciri reka bentuk terkini dan dilengkapi dengan kelengkapan pejabat dan makmal yang lebih selesa.** Secara tidak langsung, dengan kemudahan yang disediakan, ia memberi satu suntikan baru dan dorongan semangat kepada setiap kakitangan jabatan untuk memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

14. **Saya yakin Jabatan Kimia Malaysia** melalui perkhidmatan analisis yang ditawarkan **akan terus relevan dalam mendukung visi kerajaan dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat** bagi mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Jabatan ini sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan analisis sehingga ke kawasan pedalaman Sarawak sekiranya dikehendaki. Semoga perkhidmatan Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Bintulu dapat

dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak terutama pelanggan dan masyarakat sekitar Bintulu khususnya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kejayaan merealisasikan pembangunan Bangunan Forensik ini. Adalah diharapkan dengan terbinanya Bangunan Forensik yang baru ini, ianya dapat membantu agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga orang-orang awam dalam mempermudah urusan harian yang melibatkan analisis Forensik.

16. Dengan harapan tersebut, saya dengan rasa sukacitanya **merasmikan Bangunan Forensik, Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Bintulu, Sarawak.**

Sekian. Terima Kasih.